

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sejauh manakah Program
Karnival Penjanaan Kerjaya di bawah Kementerian Sumber Manusia
dapat mencapai sasaran mewujudkan peluang pekerjaan.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Karnival Penjana Kerjaya yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) di bawah kendalian Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah bertujuan untuk melancarkan lagi proses pencarian kerja dan penempatan pencari kerja.

2. Program Karnival Penjana Kerjaya yang dianjurkan oleh PERKESO telah dapat memudah cara dan membawa majikan-majikan yang mempunyai kekosongan jawatan secara **setempat** (*one stop centre*). Program ini turut memberi peluang kepada sebilangan besar pencari kerja untuk ditemuduga secara langsung oleh majikan yang menyertai program tersebut. Langkah ini akan dapat membantu pencari kerja dalam pencarian kerja mereka dan membantu majikan untuk mendapatkan calon-calon yang diperlukan mengikut keperluan dengan segera.

3. Penganjuran program ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan bagi memastikan semua pencari kerja yang terjejas akibat pandemik COVID19 mendapat pekerjaan lain. Setakat 16 Oktober 2020, sebanyak **205 program** termasuk karnival pekerjaan telah dilaksanakan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar oleh PERKESO. Program ini melibatkan **504 majikan** dan telah berjaya mencapai sasaran dengan **menempatkan 3,174 pencari kerja**.

Sekian, terima kasih.